



Headline	Bersediakah telco Malaysia hadapi IoT		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Jun 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	264 cm ²
Journalist	ekonomi@utusan.com.my	AdValue	RM 3,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,760



Bersediakah telco Malaysia hadapi IoT?

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

ROBOT pembancuh minuman menyediakan kopi panas setiap pagi bersama roti bakar terhidang di atas meja dan surat khabar elektronik, bukan lagi satu perkara yang dilihat dalam filem sahaja.

Begitu juga apabila telefon bimbit dapat mengetahui tentang maklumat kemalangan dalam jarak lebih kurang 500 meter atau pendingin hawa tersedia dipasang sebaik sahaja melangkah masuk ke rumah.

Ini adalah satu permulaan apabila 'things' (benda) berinteraksi sesama sendiri tanpa campur tangan manusia. Secara ringkasnya, ia membawa maksud Internet of Things (IoT) atau ditakrifkan dalam

bahasa Melayu sebagai internet Untuk Segala-galanya.

Bagi Malaysia, pelaksanaan Pelan Induk Internet Untuk Segala-galanya akan dibentangkan pada kerajaan Oktober ini, sekali gus menjadi platform awal dalam merealisasikan satu gaya hidup berteraskan teknologi IoT.

Kemunculan internet sekitar 1960-an secara dasarnya telah mengubah wajah dan kehidupan manusia secara total. Di Malaysia pula, pengenalan internet pada 1992 membawa dimensi baharu dalam sudut akademik dan perubahan corak kerja yang lebih pantas dan sistematik.

Jadi, apakah yang akan berlaku bila IoT dilaksanakan kelak dalam tempoh tiga hingga lima tahun

akan datang? IoT menurut Pengarah Kanan Komunikasi Tanpa Wayar MIMOS Berhad, Dr. Mazlan Abbas bukanlah satu perkara baharu dalam dunia hari ini.

"Tetapi Malaysia akan menjadi peneraju di rantau Asia Tenggara sekiranya berjaya dilaksanakan kelak," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Ketika ditanya, adakah Malaysia terlambat dalam soal ini selepas 22 tahun internet bertapak di negara ini? Beliau menjelaskan, "Kita belum terlambat, jika kita laksanakan tiga tahun kemudian, ya kita memang berada di belakang berbanding negara-negara di rantau ini. Tetapi jangan bandingkan dengan Korea Selatan atau Jepun sebab mereka berada dalam segmen yang berbeza dan jauh lebih maju."

Persoalan yang timbul tentang IoT pula adalah sejauh mana syarikat telekomunikasi (telco) di negara ini bersedia menghadapi gelombang data ini yang sekiranya tiada infrastruktur lengkap, sudah tentukan berlaku kesesakan trafik yang tidak mampu dicapai.

Dijangka menjelang 2020, terdapat 50 bilion peranti akan disambungkan pada internet berbanding penduduk manusia ketika itu yang hanya berjumlah 7.6 bilion. Keadaan ini, sekali gus meletakkan syarikat-

syarikat telco dalam satu situasi membimbangkan, apatah lagi jika tiada sebarang langkah diambil ber-

mula sekarang.

Satu lagi fakta menarik, setiap hari sebanyak 2.5 quintilion bait data diwujudkan sejak dua tahun lepas.

Sebagai pengguna internet juga, soal kelajuan sememangnya menuntut kesabaran yang tinggi. Itu pun sebelum pelaksanaan IoT berlaku sepenuhnya.

"Apa yang saya lihat sekarang, liputan agak lengkap dengan di mana-mana sahaja kita boleh mendapat liputan 2G, 3G atau 4G, tetapi apa yang diperlukan adalah kelajuan trafik, muat naik itu rendah dan spektrum hanya dapat menampung untuk muat turun data sahaja.

"Jika dalam tempoh lima tahun telco tidak mampu menyediakan infrastruktur yang lengkap, kita akan hadapi masalah yang cukup besar terutama apabila IoT dilaksanakan," kata Mazlan.

Satu perkara lagi, ujar beliau, keperluan memilih lokasi strategik untuk meletakkan sensor tersebut juga perlu diambil kira kerana sensor-sensor tersebut mampu menambah kesesakan trafik data terutama di kawasan bandar.

Bagaimanapun, dalam masa sama beliau tidak menolak kemungkinan akan wujud sebuah penyedia perkhidmatan (bukan telco) yang akan bertanggungjawab terhadap IoT ini bagi menampung keperluan infrastruktur yang lebih lengkap pada masa hadapan.